
Title	Memahami karangan
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © Muhammad Ariff bin Ahmad

MEMAHAMKAN KARANGAN

muhammad ariff ahmad

Dalam Kertas II peperiksaan Bahasa Melayu GCE “O”, KEFAHAMAN KARANGAN dalam soalan pilihan; bukan soalan wajib seperti “Karangan” di Kertas I atau “Keringkasan Karangan” di Kertas II. Tetapi, seperti juga dengan “Karangan” dan “Keringkasan Karangan” itu, KEFAHAMAN KARANGAN ini menguji kecekapan calon-calon tentang penggunaan bahasa dan penerapan linguistik di samping menguji kecekapan-kecekapan “membaca pantas” dan “membaca kritis”.

Kecapaian matlamat “membaca pantas” biasanya, dapat dilihat menerusi keseluruhan jawapan calon-calon: samada mereka dapat menyatakan dengan tepat segala idea yang tersalur menerusi bacaan/petikan itu dalam jawabannya. Jawapan yang serkap jarang sahaja tidaklah menggambarkan bahawa calon-calon itu telah membaca seluruh bacaan/petikan itu dengan cekap.

Hal ini membayangkan bahawa calon-calon tidak selesai membaca bacaan/petikan yang diberi; ketidakselesaian bacaannya itu menunjukkan bahawa calon-calon tidak dapat “membaca pantas”.

Untuk mencapai matlamat “membaca kritis” iaitu dapat memahami dan memahamkan bacaannya dengan tepat dan cekap, serta dapat pula memikirkan dengan betul idea-idea yang tersalur menerusi bacaan/petikan itu, maka pada lazimnya, soalan-soalan yang dikemukakan ialah soalan-soalan yang mengenai empat aspek kefahaman, iaitu:

- a) kecekapan menanggapi idea atau isi kandungan bacaan/petikan yang diberi;
- b) kecekapan menganalisa bahasa – termasuk kata-kata; frasa; sintaksis; ungkapan dan sebagainya – yang terguna dalam bacaan/petikan itu;
- c) kecekapan implikasi atau kefahaman tentang idea yang tersurat di sebalik kata-kata yang tersurat dalam bacaan/petikan itu; dan
- d) kecekapan kritikan, iaitu menyatakan reaksi fikiran calon-calon terhadap idea-idea yang tersalur menerusi bacaan/petikan yang diberi itu.

Kecapaian matlamat “membaca kritis” ini dapat dilihat menerusi jawapan-jawapan calon yang responsif terhadap soalan-soalan yang dikemukakan, dan juga menerusi penggunaan bahasa dan stail yang asli (original). Jawapan-jawapan yang merupakan penyalinan semula potongan ayat-ayat atau paragraf yang terpakai dalam bacaan/petikan

yang diberi itu bukanlah jawaban yang responsif; jawaban-jawaban itu hanya merupakan suatu gagasan yang spekulatif sahaja.

Jawaban-jawaban yang responsif ialah jawapan yang diungkapkan orang dengan bidalan: bagaimana gendang begitulah tarinya!

Sebagai contoh menjawab KEFAHAMAN KARANGAN itu, marilah kita baca petikan karangan di bawah ini, kemudian kita cuba pula menjawab soalan-soalan yang berikutnya:

Petikan:

.....Buku novel Anak Nat Lela Gila telah diterbitkan oleh The Annies Printing Works, Johor Bahru, dengan tulisan Jawi dalam tahun 1941; dan naskahnya telah dibeli dari pengarangnya dengan harga \$250.00 lalu diterbitkan pula oleh Federal Publications Limited dalam tahun 1960 dengan tulisan Rumi. Cetakan keduanya ialah pada tahun 1961.

Menerusi novel itu, pengarangnya, Ishak Haji Muhammad telah membuat beberapa ramalan terhadap orang-orang di zaman akandatang. "Apabila engkau sudah besar," kata Ishak menerusi watak novelnya itu, "aku berani bertaruh: engkau tiadakan dapat lagi bersenang-senang hendak tidur dengan begini tenang dan cendera, kerana banyak perkara-perkara yang akan menyusahkan, merunsingkan dan membosankan engkau. Hal hidup engkau: makan, pakaian, tempat tinggal, itu ini dan berbagai-bagai lagi akan menjadi perkara yang harus engkau fikirkan."

"Orang-orang di zaman yang akandatang banyak yang akan mengidap penyakit tak-mau-tidur. Orang-orang di zaman akandatang akan gemar sekali bercakap pada perkara-perkara yang mereka tidak tahu. Mereka gemar merendahkan mutu orang lain; menghina dan mencela dengan tidak usul periksa lebih dahulu dan dengan tidak bersebab apa-apa".

Sebenarnya telahan dan ramalan Ishak itu sedang dan telah berlaku sekarang. Kata-mengata, caci-mencaci, kecam itu dan kritik ini dengan melulu dan tidak membina, kerap berlaku di kalangan kita. Bohong dan mungkir janji pun telah menjadi basahan sehari-hari.

Usaha atau ciptaan yang dibuat oleh seseorang, hinggakan kepada perkara-perkara yang baik dan berguna kepada ugama, masyarakat, bangsa dan negara pun dapat cemuhan dan kena keritik yang meruntuhkan.

soalan:

Bahagian A

1. Nyatakan perkara-perkara yang boleh menjadikan “engkau” itu tak boleh tidur dengan tenang.
2. Menurut pengarang, apakah penyakit-penyakit yang akan dideritai oleh orang-orang di zaman yang akandatang?
3. Apakah buktinya yang menunjukkan bahawa telahan Ishak itu sedang berlaku sekarang?
4. Bilakah Ishak telah membuat ramalan yang demikian itu?

Bahagian B

Nyatakan dengan sepatah perkataan sahaja, perkataan yang sama maknanya dengan frasa-frasa di bawah ini:

1. hal hidup
2. berani bertaruh
3. membuat ramalan
4. usul periksa.

Soalan-soalan bagi KEFAHAMAN KARANGAN pada tahun 1974 yang ditukil di atas tadi, nampaknya mencakup dua; (atau jikalau soalan A4 itu dapat dinisbahkan sebagai terapan yang tersirat) barangkali tiga aspek kefahaman sahaja. Soalan-soalan A1, A2 dan A3 itu mengenai aspek (a); barangkali soalan A4 boleh dikatakan mengenai aspek (c); manakala soalan-soalan B1, B2, B3 dan B4 itu mengenai aspek (b). Tidak kedapatan soalan-soalan yang mengenai aspek (d); kecekapan kritikan dalam soalan itu.

Seperkara lagi ialah bahawa soalan-soalan A1, A2 dan A3 itu tersusun berurutan persis selaras dengan kronologi idea yang tersalur menerusi bacaan/petikan yang diberi itu. Sebenarnya: ini adalah satu kebetulan sahaja; ia bukanlah satu “kemestian”!

Nah! Sekarang marilah kita cuba menjawab soalan-soalan di atas tadi, sedapat-dapatnya:

soalan A1: Nyatakan perkara-perkara yang boleh menjadikan “engkau” itu tak boleh tidur dengan tenang.

Yang disuruh nyatakan oleh soalan itu ialah perkara-perkara (yang menyebabkan si “engkau” tak boleh tidur). Perkara-perkara itu kedapatan pada dua ayat terakhir dalam paragraf 2, iaitu keperluan hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya.

Jika calon-calon menjawab dengan menyalin semula kedua-dua ayat yang terdiri dari 53 perkataan itu; padahal isi jawapan yang sebenarnya hanyalah 9 perkataan sahaja, maka jadilah jawaban itu suatu gagauan spekulatif yang tidak responsif.

Jawaban yang dianggap baik ialah samada:

...Perkara-perkara yang menjadikan “engkau” tak boleh tidur dengan tenang ialah makanan, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain keperluan hidup.

ATAU

...Pelbagai keperluan hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya adalah perkara-perkara yang menjadikan “engkau” tak dapat tidur dengan tenang.

Kedua-dua contoh jawapan di atas itu adalah responsif, mengandungi isi jawapan yang dikehendaki soalan, dan ia dihadirkan sebagai jawapan dengan menggunakan bahasa dan stail yang tersendiri (original).

Berpandukan contoh jawapan itu, cubalah anda jawab soalan-soalan A2 dan A3 di atas.

Kemudian, perhatikanlah pula:

soalan A4: Bilakah Ishak telah membuat ramalan yang demikian itu?

Yang dikehendaki oleh soalan itu ialah “bila”; bilakah (Ishak membuat ramalan itu)? Bila ialah gantinama pertanyaan yang merujuk kepada masa/waktu. Tidak ada satu katanama masa/waktu (tahun; bulan; hari atau saatnya) dalam bacaan/petikan itu yang dinyatakan secara menonjol sebagai jawapan yang tepat kepada soalan itu. Tetapi, pada permulaan paragraf 2 petikan itu mengatakan, “Menerusi novel itu, pengarangnya, Ishak Haji Muhammad telah membuat beberapa ramalan...”; dan pada permulaan paragraf 1 petikan itu mengatakan bahawa novel itu telah diterbitkan buat kali pertamanya pada tahun 1941.

Menemukan (mengooincidekan) dua keterangan yang berasingan itu bolehlah kita membuat kesimpulan bahawa tahun 1941 itu adalah jawapan konkrit yang dikehendaki oleh soalan tadi. Contoh jawapan penuhnya ialah: Ishak telah meramalkan perkara itu pada tahun 1941.

Oleh kerana tidakadanya kenyataan yang menonjol tentang bila (waktu/masa) yang dimaksudkan oleh soalan itu, mungkin ada calon yang menjawab: Ishak telah meramalkan perkara-perkara itu pada masa ia menghasilkan novel itu. Jawapan ini responsif juga tetapi lemah semantiknya, kerana frasa “masa ia menghasilkan novel itu” tidak langsung

menjawab soal "bila"nya tadi; frasa itu masih perlukan setidak-tidaknya satu huraian lagi, iaitu bilakah ia menghasilkan novel itu. Tentu nanti jawabnya – berdasarkan paragraf 1 petikan tadi - la menghasilkan novel itu pada tahun 1941.

Pendeknya, matlamat akhirnya ke situ juga. Jadi, kalau sudah ada jalan yang singkat dan mudah, mengapakah kita perlu mengambil jalan yang jauh lagi berbelit-belit!

Sekarang, marilah pula kita melihat ke soalan B.

Ada beberapa bentuk soalan yang boleh dikemukakan untuk mencapai matlamat aspek (b); kecekapan menganalisa bahasa itu, iaitu samada dengan mengarahkan calon-calon supaya:

- a) menghuraikan makna kata-kata atau frasa-frasa itu secara leksikografi atau secara kamus;
- b) menyatakan makna kata-kata atau frasa-frasa dengan menggunakan bandingan samareti atau bedaretinya:
- c) menukar-nukarkan dari frasa ke kata atau sebaliknya: ATAU
- d) membina ayat-ayat yang menggunakan kata-kata atau frasa-frasa itu; yang menerusi ayat-ayat binaannya itu nanti kefahaman calon tentang kata-kata atau frasa-frasa itu dapat ditanggap oleh penilai.

Melihat kepada soalan-soalan dari B1 hingga B4 di atas tadi, nampaknya soalan KEFAHAMAN KARANGAN GCE "O" tahun 1974 itu telah mengambil kaedah (c); menukarkan frasa-frasa menjadi kata-kata. Ini dapat difahamkan menerusi arahannya yang mengatakan, "Nyatakan dengan sepatah perkataan sahaja,....." itu.

Nampaknya, ada dua jenis frasa yang hendak kita jawab dari soalan B itu. Keduanya hendak dijawab dengan kaedahnya sendiri-sendiri. B1 dan B3 adalah frasa-frasa strukturan yang boleh disempurnakan dengan hukum morfologi (bentukkataan); manakala B2 dan B4 adalah frasa-frasa ungkapan yang harus disempurnakan menurut hukum semantik (makna).

Contoh jawaban soalan B itu ialah:

- | | |
|---------------------|------------------------------|
| B1: hal hidup | = <u>kehidupan</u> |
| B2: berani bertaruh | = <u>pasti; yakin</u> |
| B3: membuat ramalan | = <u>meramalkan; menelah</u> |
| B4: usul periksa | = <u>siasat; selidik</u> |